



**KEMENTERIAN KEWANGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SIARAN AKHBAR
PERINTAH KETIDAKSOLVENAN (PINDAAN), 2017
INSOLVENCY (WINDING UP) (FEES) RULES, 2017
*INSOLVENCY (JUDICIAL MANAGEMENT) RULES, 2017***

Kementerian Kewangan dengan ini sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Perintah Ketidaksolvenan (Pindaan), 2017; *Insolvency (Winding Up) (Fees) Rules, 2017*; dan *Insolvency (Judicial Management) Rules, 2017* yang dihasratkan untuk mengukuhkan lagi rangka perundangan ketidaksolvenan di Negara ini dan berkuatkuasa mulai dari 29 Mei 2017.

Perintah Ketidaksolvenan (Pindaan), 2017 ini mengandungi pindaan-pindaan yang menjurus kepada meningkatkan keterlibatan pemiutang dalam membuat keputusan penting di dalam proses ketidaksolvenan sesebuah syarikat. Antaralainnya, dengan pindaan ini, perlantikan dan pemilihan pelikuidasi (*liquidator*) hendaklah mendapat kebenaran pemiutang. Seterusnya, pemiutang juga diberikan hak untuk mendapatkan semua maklumat mengenai dengan prosiding ketidaksolvenan syarikat termasuk maklumat mengenai dengan rekod-rekod kewangan syarikat itu agar para pemiutang sentiasa maklum mengenai dengan kedudukan kewangan syarikat berkenaan.

Dengan meningkatkan perlindungan dan penyertaan pemiutang dalam prosiding ketidaksolvenan, diharapkan ianya akan dapat meningkatkan kadar hutang yang boleh didapati semula daripada Syarikat-Syarikat yang tidak solven .

Kementerian Kewangan
Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 03 Ramadhan 1438
29 Mei 2017



**MINISTRY OF FINANCE
BRUNEI DARUSSALAM**

**PRESS RELEASE
INSOLVENCY (AMENDMENT) ORDER, 2017
INSOLVENCY (WINDING UP) (FEES) RULES, 2017
INSOLVENCY (JUDICIAL MANAGEMENT) RULES, 2017**

The Ministry of Finance is pleased to announce that His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam has consented for the introduction of the Insolvency (Amendment) Order, 2017; Insolvency (Winding Up) (Fees) Rules, 2017; and Insolvency (Judicial Management) Rules, 2017 which is aimed to further strengthen the insolvency legal framework in Brunei Darussalam and are to take effect from 29 May 2017.

The Insolvency (Amendment) Order, 2017 includes amendments which gives greater creditors' participation in any insolvency matters of a company. With these amendments, the nomination of a liquidator is to be approved by the creditors. Also, the creditor has the right to access all information about insolvency proceedings relating to the company including financial records of the company so as to ensure that the creditors are well informed on the company's financial position.

By further strengthening the creditors protection and participation in insolvency proceedings, it is hoped that it will improve the rate of recovery for the creditors of an insolvent company.

**Ministry of Finance
Brunei Darussalam**

Date: 03 Ramadhan 1438
29 May 2017